

R GB 20-12 00179 BA384

aab

Mahathir - Ikatan

MALAYSIA TAK PERCAYA KEPADA IKATAN DENGAN NEGARA KUAT

SUNGAI PETANI, 20 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak percaya kepada ikatan dengan "negara-negara yang kuat" yang kononnya akan menolong Malaysia sekiranya ia menghadapi serangan.

Katanya, ini berdasarkan kepada pengalaman rakyat Bosnia-Herzegovina yang menghadapi penganiayaan yang amat dahsyat tetapi kuasa-kuasa besar hanya bertindak mengikut kepentingan mereka.

"Sebab itu kita tidak boleh percaya kepada sesiapa untuk mempertahankan diri kita. Sebab itu kita tidak percaya kepada ikatan dengan negara-negara yang kuat kononnya kalau kita diserang maka mereka akan menolong kita," katanya pada majlis mengucapkan selamat jalan kepada 320 anggota dan pegawai kumpulan terakhir Batalion Malaysia (MALBATT) yang akan berlepas ke Bosnia-Herzegovina di Kem Rejimen Tiga Armor Diraja di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mestilah membuat persediaan sendiri dan rakyat negara ini mestilah sanggup mempertahankan negara sendiri.

Beliau berkata, orang Bosnia kini menghadapi penganiayaan yang amat teruk kerana mereka tidak dibenarkan memiliki senjata sendiri untuk mempertahankan diri. -- Lagi.

▼20/12/16-01MST

R GB 20-12 00147 BA385

aab

Mahathir - Ikatan 2 Sungai Petani

"Sepatutnya bangsa-bangsa lain membenarkan mereka mendapat hak mereka untuk mempertahankan diri tetapi bangsa-bangsa yang kuat tidak berbuat demikian bahkan mereka menahan orang Bosnia daripada mempertahankan diri mereka.

"Sebaliknya mereka membiarkan pihak Serb yang ganas melakukan keganasan membunuh, merogol dan sebagainya. Ini adalah satu ketidakadilan yang tidak boleh diterima oleh masyarakat dunia. Malangnya, kuasa besar biasanya bertindak mengikut kepentingan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, pengalaman di Bosnia-Herzegovina memberi pengajaran mengenai betapa teruknya peperangan pada zaman ini.

Sehubungan dengan itu, katanya, rakyat Malaysia harus bersyukur kerana masih ada di kalangan rakyat yang sanggup memasuki angkatan tentera untuk mempertahankan negara secara sukarela.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada anggota MALBATT kerana rela hati menyertai angkatan tentera dan sanggup pula mengikut perintah untuk bertugas di negara lain walaupun akan menghadapi bahaya. -- Lagi.

▼20/12/16-05MST

Mahathir - Ikatan 3 Sungai Petani

"Kerana kesanggupan anggota tentera kita, maka rakyat Malaysia boleh berdiri megah, sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain dan kita akan dihormati kerananya. Inilah sifat-sifat yang ada pada rakyat Malaysia," katanya.

Beliau menasihati anggota MALBATT supaya menjalankan tugas dengan tertib semasa di Bosnia-Herzegovina dan tidak mendedahkan diri kepada bahaya yang tidak diperlukan tetapi sebaliknya menggunakan latihan yang telah diberi dengan penuh kecekapan bagi mengelak kejadian yang tidak diingini.

Dr Mahathir berkata, penghantaran tentera Malaysia ke Bosnia-Herzegovina ialah kerana Malaysia berpegang kepada prinsip-prinsip kemanusiaan iaitu menolong mereka yang tertindas dan dianiaya walau di mana mereka berada.

"Hari ini adalah giliran orang lain, mungkin satu hari giliran kita pula. Sudah tentu apabila menjadi giliran kita, kita berkehendak kepada bantuan dan pertolongan orang lain," katanya.

Katanya, negara-negara lain juga sanggup menolong rakyat negara ini apabila ditimpa kesusahan, misalnya dalam kejadian bangunan kondominium 12 tingkat runtuh di Ulu Klang sepanjang 10 hari lepas.

"Tanpa kita meminta bantuan daripada mana-mana pihak, banyak negara asing yang telah menawarkan bantuan untuk menyelamatkan rakyat kita. --
Lagi.

CNS3758

R GB 20-12 00160 BA387

aab

Mahathir - Ikatan 4 Sungai Petani

"Kita tahu mereka (anggota pencari dan penyelamat dari negara asing) bekerja bertungkus-lumus siang dan malam tanpa mengenal penat dan lelah untuk menyelamatkan rakyat kita, justeru itu, kita harus faham bahawa dalam dunia ini tolong-menolong amatlah penting," katanya.

Katanya, rakyat negara ini tidak boleh menjangka bahawa mereka selalunya selamat walaupun negara ini selamat daripada bahaya besar seperti rusuhan, peperangan atau peperangan saudara.

"Tetapi kita tidak boleh leka dan percaya bahawa kita selalunya akan selamat. Mungkin satu hari nanti kita tidak akan selamat, sebab itu apabila pihak lain menghadapi tekanan yang dahsyat seperti di Bosnia, maka sepatutnya kita menghulurkan sedikit bantuan," katanya.

Katanya, pertolongan Malaysia itu adalah bersifat kemanusiaan tanpa mengira agama mangsa yang tertindas.

"Kita tidaklah begitu kuat sehingga boleh menyelamatkan mereka semua tetapi sedikit-sebanyak kita boleh memberi pertolongan. Kita berharap pihak lain juga akan memberi pertolongan kepada orang Bosnia," tambahnya. -- Lagi.

▼20/12/16-13MST

CNS3762

R GB 20-12 00177 BA388

aab

Mahathir - Ikatan 5 (Akhir) Sungai Petani

Dr Mahathir tiba di Kem Lapangan Terbang di sini pada kira-kira 12.07 tengah hari dari Butterworth bersama-sama isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan diiringi Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Koh Tsu Koon dan isteri.

Ketibaan mereka disambut oleh Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Wan Abu Bakar Mohamad, Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Abdul Rahman Abdul Hamid dan Panglima Tentera Darat Jen Tan Sri Borhan Ahmad.

Perdana Menteri kemudian meluangkan masa kira-kira sejam bersama anggota MALBATT di kem itu sebelum berlepas ke Pulau Pinang pada kira-kira 1.10 tengah hari.

Kumpulan itu merupakan kumpulan anggota MALBATT yang keempat dan terakhir yang dihantar ke Bosnia-Herzegovina.

Dengan penghantaran kumpulan itu, seramai 1,489 anggota MALBATT akan berada di sana setelah dihantar secara berperingkat-peringkat sejak September lepas.

Kumpulan terakhir itu dijadualkan berlepas dari Pulau Pinang awal pagi esok menuju Split, Croatia dengan pesawat Illyushin buatan Rusia yang disewa khas oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. -- Bernama.

KHY NMO